

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH**

**KAWASAN : LENGGONG**

**TARIKH BAHAS : 02 DISEMBER 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN : 19**

YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]  
meminta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
menyatakan kesan langsung kejatuhan nilai Ringgit pada pelaburan luar  
negara ke negara ini dan kesan kepada syarikat negara ini yang melabur  
ke luar negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara kesan penyusutan nilai Ringgit terhadap pelaburan asing di dalam negara adalah:

- daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dijangka bertambah baik apabila para pelabur mengambil kesempatan daripada kos menjalankan perniagaan yang kompetitif di Malaysia dan seterusnya meningkatkan keuntungan mereka.
- nilai Ringgit yang rendah juga akan membuka peluang kepada produk keluaran Malaysia untuk lebih berdaya saing di pasaran eksport kerana produk keluaran Malaysia akan menjadi lebih kompetitif terutama bagi produk dengan kandungan tempatan yang tinggi. Ini adalah sebab produk-produk tersebut akan diniagakan dalam dolar Amerika Syarikat (AS) dan akan memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada para pengeluar. Ini seterusnya akan membuka peluang kepada mereka untuk membesarkan perniagaan.

Kerajaan melihat antara sektor utama yang dapat memperoleh manfaat dari penyusutan nilai Ringgit ini termasuklah dari sektor elektrik & elektronik, peralatan perubatan, produk berasaskan getah serta perabot.

Walau bagaimanapun, Kerajaan menyedari bahawa kejatuhan nilai Ringgit akan memberi sedikit tekanan kepada pengeluar-pengeluar sedia ada yang perlu mengimport jentera dan peralatan, bahan gunahabis serta bahan mentah untuk digunakan dalam proses pengeluaran mereka. Kejatuhan nilai Ringgit ini akan menyebabkan peningkatan terhadap kos input bagi pengilang-pengilang tersebut.

Namun demikian, Kerajaan yakin dengan langkah-langkah proaktif yang telah diambil, situasi ini akan dapat diatasi dan daya saing ekonomi negara akan terus dikekalkan.

Tuan Yang Dipertua,

Kejatuhan nilai Ringgit secara umumnya tidak akan menjelaskan pelaburan syarikat Malaysia di luar negara. Ini kerana kenaikan kos pelaburan di luar negara akan menyebabkan syarikat menyusun semula portfolio pelaburan mereka, di mana syarikat akan membuat pelaburan menggunakan mata wang yang lebih stabil dan kukuh seperti dolar AS, selari dengan objektif pelaburan untuk mendapatkan peningkatan nilai pelaburan. Syarikat juga berkemungkinan menangguh pelaburan mereka di luar negara berikutan kejatuhan nilai Ringgit ini dan mengalihkan tumpuan ke pasaran tempatan.